



**YUSSOF** (tengah) bersama pemimpin India memotong kek sempena Rumah Terbuka Deepavali 2012.

## Rumah Terbuka Deepavali Labuan meriah

4B 21-11-2012 B2

**LABUAN:** Majlis Makan Malam sempena Rumah Terbuka Deepavali 2012 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan disambut sederhana tetapi meriah.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yussof Mahal merasmikan majlis itu yang dianjurkan MIC Bahagian Labuan dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan India di Tingkat 11, Menara Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Turut hadir Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus, Pengurus MIC Labuan, Ramasamy Rengasamy, Yang Dipertua Dewan Perniagaan India Labuan, Dhalif Singh, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Siti Maznah Awang Damit dan Setiausaha Umno, Rozman Isli.

Hadir sama Pengarah Urusan Labuan Liberty Port Management, Alias Abd Rahman, Ketua PBS Labuan, Peter Mak, Pengarah Jasa, Rahimah Lamat, Penolong Pendaftar Kanan UMS-KAL, Norhanizah Adnan, pemimpin masyarakat India dan pelajar UMS-KAL.

Dalam ucapannya, Yussof berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak pernah mengabaikan kebajikan kaum India terutama di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, sebagai bukti kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak telah mengisyiharkan cuti umum Deepavali di Wilayah Persekutuan Labuan sama seperti di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Kerajaan telah banyak menyediakan bantuan dan kemudahan kepada kaum India di Wilayah Persekutuan,



**YUSSOF** menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang menghadiri Rumah Terbuka Deepavali.

Labuan," katanya.

Oleh itu, Yussof meminta kaum India agar terus berdiri teguh di belakang BN yang menuaikan janjinya untuk membantu mereka terutama yang berkaitan perniagaan dan pelajaran serta kebajikan.

Katanya, kerajaan telah membina sebuah masjid di pusat bandar yang turut digunakan oleh kaum India Muslim yang majoritinya bekerja di restoran dan premis perniagaan di pusat bandar.

Sementara itu, Ramasamy mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memasukkan Labuan dalam kalendar cuti umum Deepavali mulai tahun hadapan.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk

Raja Nong Chik Zainal Abidin, Yussof, Yunus serta pemimpin BN dan Umno yang banyak membantu mereka selama ini.

Katanya, MIC Bahagian

Labuan akan terus menyokong kepimpinan BN bukan sahaja pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) nanti tetapi juga pada masa akan datang.



**GADIS** India bersiap sedia dengan lilin menyambut ketibaan tetamu di Menara Perbadanan Labuan.



**YUNUS** (dua kiri) menerima kalungan bunga daripada Dhalif.

"MIC Labuan dan masyarakat India tidak akan melupakan jasa baik pemimpin BN dan Umno yang banyak membantu kaum India di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Pada majlis itu, Ramasamy turut memohon tempat sebagai Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan sesuai

dengan konsep Malaysia agar mereka juga dapat bersama-sama membangunkan Labuan.

Beliau menambah, MIC akan mengadakan rumah terbuka Deepavali lebih besar pada tahun hadapan sebagai tanda ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri yang memberikan cuti umum kepada mereka di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Pengumuman cuti am itu merupakan satu hadiah paling berharga buat kaum India sempena Hari Deepavali tahun ini," katanya.

Pelbagai persembahan tarian tradisional dan moden serta nyanyian oleh pelajar India termasuk pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) turut memeriahkan lagi majlis itu.



**PEMIMPIN** India bersama Ahli Parlimen Labuan.



**PELAJAR** India UMS-KAL beramah mesra dengan Yussof diiringi Ramasamy.